

China tawar 1,000 biasiswa percuma untuk lepasan TVET

“ Kerajaan akan mengkoordinasikan kerjasama dengan MTUN untuk memperkembangkan lagi kebolehpasaran pelajar TVET. ”

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Kerajaan China menawarkan tajaan biasiswa 100 peratus kepada 1,000 pelajar lepasan program Pendidikan Pembangunan Teknikal dan Vokasional (TVET) tempatan untuk mengikuti kursus di universiti di negara itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagaimanapun tawaran itu perlu dibahagikan sama rata kepada semua Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang ada di negara ini.

"Ini adalah satu tawaran yang baik dan saya telah mencadangkan agar 1,000 tempat ini dibahagikan antara institusi TVET yang ada termasuk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan MTUN iaitu universiti yang sediakan kursus bidang teknikal.

"Ia telah dimulakan dan ada sebahagian pelajar kita



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh dan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir ketika hadir ke Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

berada di sana (negara China), seramai 1,000 pelajar ini sebagai tambahan lagi dan pelajar perlu mengikuti kursus tiga bulan hingga satu tahun di sana.

"Sebelum ini sudah ada 200 pelajar kita di sana, kali

ini tambahan dan kita pilih lepasan TVET yang tiada diploma atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), selagi mereka bersesuaian kita boleh hantar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di Dewan Canselor UTeM, di sini, pada Selasa.

Hadir sama Menteri

Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni

dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman dan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir Exco Kema-juan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin.

Mengulas lanjut, Dr. Ahmad Zahid berkata kerajaan akan mengkoordinasikan kerjasama dengan MTUN untuk memperkembangkan lagi kebolehpasaran pelajar TVET.

"Sebab itu kita mahu koordinasikan dengan kerjasama MTUN ini, setakat ini di China kita ada kira-kira 100 universiti yang bekerjasama dan ia akan diperluaskan lagi," katanya.